

Soalan objektif

1. Kesatuan melayu muda (KMM) pimpinan Ibrahim haji yaakob salah satu parti politik di tanah melayu yang muncul selepas perang dunia kedua.

Apakah matlamat penubuhan kesatuan tersebut ?

- A Menjaga kebajikan kaum
- B Memberi peluang rakyat mentadbir
- C Membetulkan pandangan orang melayu.
- D Memperjuangkan kemerdekaan negara

2. Maklumat berikut berkaitan perubahan perjuangan oleh United Malays National Organization (UMNO)

" Hidup Melayu " → " merdeka "

Menapakah perubahan ini berlaku ?

- A Memelihara taraf hidup rakyat
- B Memelihara status quo melayu.
- C Memperjuangkan kemerdekaan.
- D Memperjuangkan sistem demokrasi

3.

Independance Of Malayan Party (IMP)

Nyatakan idea pelaksanaan parti tersebut ?

- A Tanah Melayu Untuk Malayan
- B Konsep Melayu Raya
- C Tanah melayu hak kita
- D Tanah Melayu Untuk Orang Melayu

4. Jawatankuasa hubungan antara kaum dibentuk pada Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin dari pelbagai kaum.

Apakah matlamat penubuhan jawatankuasa tersebut

- A Membangunkan luar bandar.
- B Memperjuangkan kemerdekaan.
- C Mengusir penjajahan barat
- D Menghadapi pilihan raya.

5. Tokoh berikut memberi sumbangan kepada negara sebelum merdeka

- E. E. C Thuraisingham
- Dato' Onn Jaafar
- Tang Cheng Lock

Apakah sumbangan tokoh tersebut ?

- A Menganggotai jawatankuasa hubungan antara kaum
- B Menganjurkan Konvensyen Kebangsaan
- C Menjadi ahli Suruhanjaya Reid.
- D Menubuhkan parti perikatan

6. Pernyataan di bawah berkaitan dengan isu dalam Jawatankuasa hubungan antara kaum (CLC)

Orang melayu menuntut diperakui kedudukan keistimewaan sebagai penduduk asal rantau Alam Melayu

Antara berikut manakah kesan terhadap kedudukan orang melayu

- A Keistimewaan Diperakui
- B Kehilangan hak
- C Kedudukan terjejas
- D Menjadi kaum minoriti.

7. Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan di tanah melayu pada tahun 1950-an.

- A Menentukan hala tuju negara
- B Mewujudkan pakatan murni
- C Memberi latihan mentadbir
- D Mengawak kuasa raja-raja.

8. Apakah portfolio yang dipegang oleh Dato' Onn Ja'afar dalam Sistem Ahli.

- A Ahli Dalam Negeri
- B Ahli Pelajaran
- C Ahli Kesihatan
- D Ahli Ekonomi

9. Antara berikut yang manakah menerangkan kepentingan Sistem Ahli.

- I Mengurangkan kuasa penjajah
- II Menyelaras sistem pentadbiran
- III Memulakan proses perpaduan kaum
- IV Melatih penduduk tempatan dalam pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV